

Naskah Undang-Undang Melaka: Suatu Tinjauan

LIAW YOCK FANG

ABSTRAK

Rencana ini menyimpulkan kajian penulis tentang teks Undang-Undang Melaka selama 35 tahun. Penulis berpendapat bahawa mengkaji manuskrip perundangan, terutamanya Undang-Undang Melaka, bukanlah mudah. Pertama, pengkaji perlu membuat inventori atau daftar manuskrip. Membuat inventori itu juga tidak mudah. Satu manuskrip mungkin mempunyai lebih dari satu judul. Undang-Undang Melaka, misalnya mempunyai empat belas judul yang berlainan. Kedua, dalam manuskrip yang sama mungkin terdapat banyak teks yang mandiri. Ketiga, katalog manuskrip mungkin tidak dapat memberi keterangan yang tepat. Keempat, ada manuskrip tidak disebut dalam katalog yang ada. Yang terakhir, manuskrip baru yang tersimpan di koleksi peribadi mungkin muncul setiap masa.

Kata kunci: Adat, hukum kanun, Islam, surat, undang-undang

ABSTRACT

This article results from the writer's 35 years of research on Undang-Undang Melaka (The Laws of Malacca). It points out that it is not easy to define this body of manuscripts, let alone study them. Firstly, an inventory of the manuscripts had to be made. This undertaking was made difficult by the fact that many of them go under a variety of titles. The term Undang-Undang Melaka itself is known to have fourteen different names. Secondly, one single manuscript may have multiple distinguishable texts sorted under it. Thirdly, the integrity of the existing catalogue of manuscripts is very much in question. Fourthly, there exist manuscripts that are not mentioned in the catalogue. Lastly, new relevant manuscripts may continue to appear from private collections now and then.

Key words: Adat, hukum kanun, Islam, surat, undang-undang

LATAR BELAKANG

Pada tahun 1971, saya berangkat ke Leiden untuk mengkaji *Undang-Undang Melaka* dan telah menyelesaikan kajian itu pada tahun 1976 dengan mempertahankan tesis yang berjudul *Undang-Undang Melaka: A Critical*

Edition (Liaw 1976). Tahun 1984, saya ke Leiden lagi untuk mengkaji *Undang-Undang Laut*, bahagian kedua *Undang-Undang Melaka*. Kini, tiga puluh lima tahun kemudian, kajian itu baru selesai dan diterbitkan Yayasan Karyawan di Kuala Lumpur sebagai karya agung Melayu dalam *Siri Karya Agung* (Liaw 2003). Dalam seminar ini, saya ingin menyimpulkan kajian saya selama tiga puluh lima tahun itu untuk pengetahuan umum

MANUSKRIP *UNDANG-UNDANG MELAKA*

Ada lebih daripada lima puluh naskah *Undang-Undang Melaka*. Naskah-naskah itu boleh dibahagikan kepada enam kumpulan, iaitu:

1. *Undang-Undang Melaka Pokok*
2. *Undang-Undang Melaka* versi Aceh
3. *Undang-Undang Melaka* versi Patani
4. *Undang-Undang Melaka* versi Panjang
5. *Undang-Undang Melaka* versi Islam dan Johor
6. *Undang-Undang Melaka* versi Fragmentaris

STRUKTUR *UNDANG-UNDANG MELAKA*

Undang-Undang Melaka yang kita kenal sekarang adalah teks hibrid. Teks asalnya yang merupakan peraturan diraja yang dikeluarkan Sultan Muhammad Syah (1422-144) itu telah ditambahkan peraturan yang dibuat Sultan Muzaffar Syah (1445-1458). Dalam peredaran masa, teks itu telah dibawa ke tempat lain, lebih-lebih lagi disesuaikan untuk kegunaan kerajaan tempatan. Bahan-bahan baru juga di tambah. Semua bahan-bahan itu kemudiannya disalin dan disalin semula sehingga menjadi sebuah teks yang besar. Jadi, bergantung pada tempat dan masa penyalinannya, manuskrip *Undang-Undang Melaka* berbeza-beza isi dan panjang pendeknya. Menurut naskah *Undang-Undang Melaka* yang sudah diterbitkan (Liaw 1976), teks itu terdiri daripada enam bahagian:

1. Intisari *Undang-Undang Melaka*
2. *Undang-Undang Laut* (sebahagian sahaja)
3. *Hukum Perkahwinan Islam*
4. *Hukum Perdagangan (Bai) dan Syahadat*
5. *Undang-Undang Negeri*
6. *Undang-Undang Johor*

Tadi telah disebut bahawa *Undang-Undang Melaka* dapat dibahagi kepada enam kumpulan. Keenam-enam kumpulan itu berbeza struktur dan isinya. Saya akan menghurai struktur dan isi setiap kumpulan naskah itu dengan



menggunakan teks *Undang-Undang Melaka* yang sudah diterbitkan (Liaw 1976) sebagai perbandingan.

UNDANG-UNDANG MELAKA POKOK

Terdapat dua puluh lima buah manuskrip yang tergolong di dalam *Undang-Undang Melaka* pokok dan dapat dibahagi kepada tiga kelompok kecil. Pertama, ialah manuskrip yang diwakili naskah Cambridge 1364 lebih panjang mukadimahnyanya, kerana sesudah menyebut bahawa “*adat ini turun turunturun daripada zaman Sultan Iskandar Zulkarnain*”, masih disebut nama lima orang sultan, sama seperti yang terdapat dalam versi panjangnya. Tetapi, bahagian hukum perkahwinan tidak terdapat di dalamnya. Kedua, ialah manuskrip yang diwakili Cod. Or. 1705 terdiri atas empat puluh empat fasal, sama seperti edisi cetakan (Liaw 1976). Ketiga, ialah manuskrip yang diwakili tiga naskah, iaitu Vat. Ind.IV, Raf. 74 dan Raf. 33. Naskah Raf. 74 hanya terdiri daripada empat babagian, sama seperti naskah Vat.Ind.IV; tetapi teksnya lebih dekat kepada Raf. 33.(Liaw 2003:xxv-vi)

UNDANG-UNDANG MELAKA VERSI ACEH

Naskah yang tergolong dalam kelompok kecil ini ada empat buah. Antaranya ialah SOAS 40505. Sesudah puji-pujian, mukadimahnyanya menyatakan bahawa “*kaedah raja-raja*” itu dari “... Iskandar Zulkarnain datang kepada Seri Sultan yang di atas takhta kerajaan iaitu teladan raja-raja pada hal memerintahkan adat segala menteri. Maka dihimpunkan hukum itu atas sembilan hukum.” Versi Aceh ini juga terdiri daripada empat puluh empat fasal, tetapi permulaan fasalnya telah hilang. Kolofon naskahnya menyatakan bahawa undang-undang ini telah disusun pada 3 haribulan Jamadilawal 1202 (Ahad, 10 Februari 1788) pada zaman Sultan Jamal al-alam Badr al-Munir.

UNDANG-UNDANG MELAKA VERSI PATANI

Perkaaan Patani disebut berapa kali dalam manuskrip kelompok ini. Oleh sebab itu, naskah kelompok ini disebut versi Patani. Terdapat enam naskah yang dapat digolongkan ke dalam kelompok ini.

Naskah dalam kelompok ini terdiri daripada tiga teks. Yang pertama adalah naskah dengan judul *Undang-Undang Negeri dan Pelayaran*. Isinya adalah teks *Undang-Undang Laut* yang berakhir dengan musim kasip yang berbunyi: “Demikian hukum yang disuruhkan oleh Duli Yang Dipertuan Sultan Mahmud Syah di dalam negeri Melaka”. Sementara itu, ia mempunyai kolofon yang berbunyi: “Tamat selesai kitab kanun dan undang-undang ini. Yang mengarang dia Sadar Johan keluar dari kitab m.t.n. namanya” (SOAS 40506) Yang kedua ialah “Adat negeri pada segala raja-raja kepada awal zaman”. Naskah ini dapat dianggap sebagai contoh *Undang-Undang Patani*. Nama pengarangnya ialah

Sadar Johan yang telah mengarang bahagian yang pertama. Yang ketiga ialah satu fragmen *Undang-Undang Melaka* yang bersesuaian dengan fasal 9-24 dalam edisi cetakan (Liaw 1976). Di samping itu, terdapat fasal tambahan yang menghuraikan cukai kharajat yang patut diberi kepada raja dan orang besar-besar apabila wangkang Cina datang ke Patani.

UNDANG-UNDANG MELAKA VERSI PANJANG

Ada enam naskah yang dapat digolong ke dalam kelompok ini. Kebanyakannya terdiri daripada enam puluh enam fasal, kecuali Farquhar 10 yang mempunyai 81 fasal. Naskah ini terdiri atas lima bahagian dan dapat dianggap sebagai bunga rampai perundangan. Teks yang paling penting ialah *Undang-Undang Melaka* yang terpencar di beberapa bahagian. Bahagian pertama, fasal 1-16 dan fasal 18 bersesuaian dengan fasal 1-22 dan fasal 29 dalam edisi cetakan (Liaw 1976). Bahagian kedua, fasal 17 dan fasal 19-25 adalah teks *Undang-Undang Laut* yang merupakan bahagian II daripada *Undang-Undang Melaka*. Bahagian ketiga, fasal 26-52, adalah teks perundangan yang mandiri.

Sementara itu, bahagian keempat, fasal 53-56 bersesuaian dengan fasal 43.3-8 dan fasal 44.1-3,6-8 dalam edisi cetakan (Liaw 1976). Yang menarik ialah bahagian ini juga terdapat dalam *Undang-Undang Pahang*, fasal 17-76 (Kempe & Winstedt 1948). Mungkin bahagian ini berasal dari suatu teks perundangan yang mandiri yang kemudian menjadi bahagian v, iaitu *Undang-Undang Negeri* dalam *Undang-Undang Melaka* dengan fasal 67-76 dalam *Undang-Undang Pahang*. Seterusnya, bahagian kelima adalah bunga rampai perundangan juga. Fasal 57-59 adalah suatu teks undang-undang Melayu atau hukum Islam yang bersesuaian dengan fasal 35-39 dalam edisi cetakan (Liaw 1976).

UNDANG-UNDANG ISLAM DAN JOHOR

Terdapat enam naskah yang tergolong dalam kumpulan ini, naskah kumpulan ini dapat dibahagi kepada dua golongan kecil, iaitu

- i. Von de Wall 50 (1,2); Cod.Or. 1722, Skeat 14B; dan
- ii. Maxwell 17 dan Maxwell 20.

Golongan kecil ii itu diterbitkan Kempe dan Winstedt sebagai *Undang-Undang Pahang*. Isi kedua-dua golongan itu adalah sama, kecuali fasal dari golongan kecil i itu tidak terdapat dalam golongan kecil ii. Ingin dinyatakan bahawa kumpulan naskah yang disebut sebagai *Undang-Undang Pahang* ini terdiri daripada tiga buah teks yang erat hubungannya dengan *Undang-Undang Melaka* dengan fasal 1-23 dapat dianggap sebagai intisari *Undang-Undang Pahang*, dan fasal 24-65 adalah teks *Undang-Undang Islam* yang juga merupakan sumbernya.



Undang-Undang Perdagangan (bai) dan Syahadat di dalam *Undang-Undang Melaka*. Teks Islam yang menjadi sumber kepada *Undang-undang Perdagangan dan Syahadat* itu ringkas sekali bahasanya, kadang-kadang merupakan terjemahan dari teks Arab. Teks Islam ini kemudian dijadikan bahagian *Undang-Undang Pahang* dengan ditambahkan bahan yang baru dari sumber yang tidak dikenali. Sementara itu, fasal 66-76 dapat dianggap sebagai *Undang-Undang Johor*. Salah satu fasalnya menyatakan bahawa undang-undang itu digubal Paduka Seri Sultan Mahmud Syah al-Ghazi ibn Sultan Abdul Jalil Syah Johor. Ia berakhir dengan menceritakan secara terperinci perjanjian perbatasan yang ditandatangani Johor dan Portugis. Naskah Maxwell 17 masih terus dengan suatu bunga rampai perundangan.

UNDANG-UNDANG MELAKA VERSI PENDEK

Undang-Undang Melaka versi pendek ini mengandungi 26-29 fasal; tetapi hanya 19 fasal yang pertama telah diberi nombor. Dengan kata lain, versi pendek ini terdiri daripada tiga bahagian: bahagian (iv) hukum perdagangan (bai) dan bahagian (v) Undang-undang negeri dan Johor tidak terdapat di dalamnya. Isi naskahnya juga berbeza satu sama lain. Tambahan pula, kebanyakan naskah kumpulan ini rosak dan sukar dibaca.

JUDUL UNDANG-UNDANG MELAKA

Orang yang ingin mengkaji manuskrip *Undang-Undang Melaka* hendaklah terlebih dahulu membuat senarai naskah atau inventori. Ini bukan kerja yang mudah. Sebabnya ialah satu manuskrip mungkin mempunyai lebih dari satu judul. *Undang-Undang Melaka*, misalnya, mempunyai judul seperti yang berikut:

1. *Adat Orang Menjadi Raja* (Singapore no.40),
2. *Kitab Undang-Undang* (Cod. Or. 5838),
3. *Kitab Undang-undang Melaka* (BL,Add12395,)
4. *Hukum Kanun* (Von de Wall 13),
5. *Risalah Hukum Kanun* (Cod. Or. 5836),
6. *Surat Undang* (Cod. Or.1725),
7. *Surat Undang-Undang* (Skeat 14B),
8. *Surat Undang-Undang Kanun* (Skeat 14A),
9. *Surat Hukum Kanun* (KL 24),
10. *Undang-Undang Melaka* (Maxwell 5,6,11A,19),
11. *Undang-Undang Melayu* (KL 21,Von de Wall 59),
12. *Undang-Undang Negeri dan Pelayaran* (Cod. Or. 1706, Cod. Or. 2160),
13. *Undang-Undang Raja Melaka* (Fakuhar 1,10).
14. *Undang-Undang Sultan Mahmud Syah* (SOAS 40505,40506).

Tanpa membaca naskah-naskah tersebut, tidaklah akan diketahui bahwa *Undang-Undang Melaka* sekurang-kurangnya mempunyai empat belas judul. Kalau bahagian (v), *Undang-Undang Islam dan Johor* dianggap sebagai *Undang-Undang Melaka* juga, jumlahnya akan bertambah. Di samping itu, *Undang-Undang Melaka* juga merupakan bahagian daripada bunga rampai perundangan. Yang disebut *Undang-Undang Kedah* dan *Undang-Undang Patani* juga ada bahagian yang boleh dianggap sebagai *Undang-Undang Melaka*. Tetapi, *Hukum Kanun Brunei* tidak lain dari satu versi *Undang-Undang Melaka*

Selain itu, masih ada manuskrip yang tidak pernah disebut dalam mana-mana katalog naskah yang ada. Yang dimaksudkan ialah Vatican Ind. IV *Malakaans Wetboek van Zeerecht (Undang-Undang Laut)*. Tidak ada orang dapat menyangka bahawa bahagian kedua manuskrip ini adalah naskah *Undang-Undang Melaka*. Dalam kebanyakan naskah undang-undang yang terdiri atas dua bahagian, bahagian yang pertama adalah *Undang-Undang Melaka* dengan bahagian yang kedua merupakan *Undang-Undang Laut*. Tetapi, naskah ini menempatkan *Undang-Undang Laut* sebagai bahagian pertama sehingga orang lupa keberadaan naskah ini. Sayangnya, naskah ini adalah naskah *Undang-undang Melaka* yang terbaik dan dapat menjelaskan banyak kekaburan yang terdapat di dalam edisi *Undang-Undang Melaka* (Liaw 1976). Perbezaan naskah ini dengan naskah cetakan telah dijelaskan dalam seminar di Brunei (Liaw 1987).

Dalam konteks ini perlu disebut naskah *Hukum Kanun Brunei*. Ia adalah naskah yang tua, walaupun penyalinannya dibuat pada tahun 1243 H (1730 M). Sebagai naskah tua, ia mempunyai banyak bacaan yang baik, walaupun ada juga banyak bacaan yang rosak dan lacuna. Jadi, walaupun naskah ini sudah diterbitkan Mohd. Jamil al-Sufri Pehin Orang Kaya Dato Seri Utama Haji pada tahun 1973, saya juga sudah membaca transkripsi *Hukum Kanun Brunei* yang dibuat Mohd. Jamil Al-Suffri, saya tidak memberi banyak perhatian kepada naskah ini. Saya, seperti kebanyakan sarjana, menganggap naskah ini adalah saduran atau cedukan daripada *Undang-Undang Melaka* yang banyak itu. Hanya sesudah membaca naskah Vatican Ind. IV dan mendapatinya adalah naskah *Undang-Undang Melaka* yang tertua dan mengandungi satu teks undang-undang Melaka yang sangat baik, saya baru sedar bahawa *Hukum Kanun Brunei* dan naskah Vatican mungkin boleh dianggap semacam prototaip *Undang-Undang Melaka*. Ia dapat menjelaskan banyak hal yang tidak jelas dari teks *Undang-Undang Melaka* yang diterbitkan Liaw (1976).

Untuk menunjukkan hubungan antara ketiga-tiga naskah itu dan membuktikan *Hukum Kanun Brunei* berasal atau berkembang dari suatu teks seperti yang terdapat dalam naskah Vatican, teks yang diwakili *Hukum Kanun Brunei* adalah lebih tua dari teks yang terdapat dalam kebanyakan naskah. Tidak mungkin teks yang lebih tua menceduk atau mengambil dari teks yang lebih muda. Di bawah ini diberi beberapa contoh dari *Undang-Undang Melaka* (Liaw 1976), *Hukum Kanun Brunei*, transkripsi Mohd. Jamil Al-Jufri (1973) dan halaman naskah Vatican yang dilampirkan dalam *Undang-Undang Melaka/ Undang Laut*



(Liaw 2003). Dalam perbandingan di bawah ini, *Undang-Undang Melaka* disingkatkan sebagai *UUM*, *Hukum Kanun Brunei* disingkatkan sebagai *HKB* dan *Vatican Ind. IV* sebagai *Vat*:

1. *UUM* 66:91 Jikalau orang lain berkata demikian, digocoh hukumnya.
HKB 115:3 Jika orang lain, dikujut kepada *berkata demikian itu*.
Vat 31:3 Jikalau orang lain, digocoh, *jika berkata demikian itu*.
2. *UUM* 68:11 Jangan kena murka raja-raja akan kamu sekalian itu
HKB 115:22 Jangankan raja2 itu *kamu kata segala adat pakaian itu*
Vat 31:17 Jangan kena murka raja itu *kamu kata segala adat pakaian itu*
3. *UUM* 84:3 ...
HKB 123:6 *harus diam itu dengan hukumnya itu oleh hakim*
Vat 39:3 *harus diam itu dengan hukumnya itu oleh hakim*
4. *UUM* 86:451 barang tungguannya
HKB 124:20 barang tangguhannya
Vat 40:18 barang tanggungannya
5. *UUM* 100:70 beracara
HKB 130:30 berjarat
Vat 48: 16 bercarut-carut

Nyatalah teks yang diwakili naskah *Vatican* dan *Hukum Kanun Brunei* mempunyai hubungan yang erat. Kedua-duanya mempunyai kesalahan yang sama seperti yang ditunjukkan, selain mempunyai tambahan fasal yang sama, iaitu fasal tentang *Hukum Pengail* dan *Hukum Sandar*. Kedua-dua fasal tambahan itu menghuraikan orang berjual apuan di Semarang atau Betawi dan nilai pudu di Landau. Yang menarik perhatian saya pada hubungan ketiga-tiga naskah itu ialah fasal yang berikut:

UUM 69:59/61

..Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis lagi jarang berbayang-bayang seperti khasa pada balai raja-raja..

HKB 114:10/11

..demikian dan dapat tiada dapat memakai kain yang nipis lagi jarang berbayang-bayang iaitu seperti mengasa dan hamau (atau hamu) pada balai raja..

Vat 30:5/6

Demikian lagi dan tiada dapat memakai kain yang nipis jarang berbayang-bayang iaitu seperti khasa dan *halimun* dan pada balai raja..

Hamau atau hamu yang tidak jelas maknanya ternyata adalah *halimun* yang bermaksa *scijnjen* iaitu *nampak-jelas*



Bahagian hukum Islam juga terdapat perkataan yang menarik:

UUM: 1449 "...diambilnya, dihargakannya segala yang baki."

HKB: 151:14 "...diambilnya, *diwarithinya* segala yang nya."

Vat: 73:14 "diambilnya, *diuwarnkan* segala yang nyata."

Diuwarnkan adalah perkataan yang sulit bagi penyalin. Oleh sebab itu, ia ditinggalkan dalam *UUM*. Tetapi, dalam *HKB*, ia menjadi *diwarithinya*.

Katalog Manuskrip

Orang yang mengkaji naskah biasanya merujuk kepada katalog manuskrip untuk mengetahui naskah yang diperlukan. Sebelum ini, sudah disebut manuskrip yang tidak disebut dalam katalog manuskrip, iaitu *Vat*. Ind. IV.

Ada kalanya pula keterangan mengenai manuskrip itu mengelirukan. Misalnya, laporan tentang dua buah manuskrip peninggalan W.W. Skeat di Institut of Social Anthropology, Oxford University (Mohd. Taib Osman 1972):

Kotak II (D)

14. Dua buah buku undang2.

(a) Undang2 Selangor yang dikatakan digunakan di Riau dan Lingga. Terchatit pada naskah ini Tamat 19 Jamadil Akhir Tahun 1232 dan yang ini tamat 14 Jamadil Awal: yang menyurat Tuan Bilal Yahya ini Tuan Khatib Terengganu menyuratkannya dalam negeri Lingga Dar-ul-Aman, zaman Sultan Mahmud Mudzaphar Shah, tamat Sanah 1266.

(b) Sama, mungkin satu daripada kumpulan undang2 itu juga. Undang2 Selangor dan Kelang bermula pada muka surat 3: muka surat 1 dan 2 lebih merupakan suratan ilmu2 ghaib: sharah Qul-hu –Allah songsang namanya: Insyah Allah terlalu mustajab dan terlalu makbut: jika orang marah pada kita: jika kita hendak dikepong oleh orang, tiada boleh keluar padanya, maka ambil tanah *segengam*, maka bachakan pada tanah yang digengam itu, maka kita hiburkan empat kali pada jalan.

Orang yang membaca laporan manuskrip di atas tidak akan mengetahui kedua-dua naskah ini juga mengandungi dua teks *Undang-Undang Melaka*. Naskah 14(b) sebenarnya adalah suatu bunga rampai perundangan. Sesudah puji-pujian, terdapat doa yang disebut "quh hua Allah songsang yang sangat mustajab dan makbul". Ini diikuti "hukum denda segala anak raja" (Liaw 1976:174). Bahagian ini disusul pula oleh hukum menyelam air dan adat segala orang lari di Selangor (Kempe & Winstedt 1952:18) yang berakhir dengan kata-kata "Tamat al-kitab kanun namanya membicarakan adat negeri, raja-raja dan menteri sekalian..." Ini diikuti teks *Undang-Undang Melaka* yang sangat dekat kepada Cod. Or,1705(1). Hanya bahagian tentang hukum nikah (fasal 25-28) tidak terdapat di dalamnya. Fasal 19 menjadi fasal hukum nakhoda, kerana ada



lebih 10 perkataan sebelumnya sudah dihilangkan. Sesudah fasal 19.1 (Liaw 1976) terdapat sisipan sebanyak tiga halaman yang lebih yang berisikan jawapan Nursyirwan Adil kepada pertanyaan seorang hakim. Naskah ini berakhir dengan Fasal 43(ii), menunut orang mati (Fasal 38.2 dalam Liaw 1976) Naskah ini berakhir dengan kata-kata yang berikut:

Tamat Surat Undang-undang ini. Hendak jangan dilalui oleh segala orang yang duduk di dalam negeri Selangor dan Kelang, mau hamba raja, mau biduanda, mau dagang, hendaklah jangan dilalai seperti adat dalam undang-undang, salah kepada segala datuk-datuk

Sesudah ini, masih ada 11 baris yang mengisah tentang “orang duduk dalam Linggi lari” dan berakhir dengan kata-kata yang berbunyi “sebermula barang siapa mendapat orang rusak di laut, maka hukumnya diberi gantung layer tengah tahl. W.a.l.d.n”

Naskah 14 (a) pula terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama adalah teks *Undang-Undang Melaka* yang terdiri daripada dua bahagian iaitu *Hukum Perdagangan (bai)* dan *Syahadat* dan *Undang-Undang Negeri*, bersesuaian dengan *Undang-Undang Melaka* bagian (iv) dan (v), edisi cetakan (Liaw 1976, hlm 347).

Perlu disebut di sini bahawa bahagian *Hukum Perdagangan (bai)* dan *Syahadat* ini juga terdapat dalam Cod. Or. 1722(1). Sesungguhnya, naskah Skeat 14(a) dan Cod. Or. 1722(1) adalah salinan dari naskah yang dimiliki Datuk Penghulu Naning. Isinya juga sama. Bahagian *Hukum Bai dan Syahadat* ini berakhir dengan kata-kata yang berbunyi “*Tammam bi’ani’l-Malik’l-Wahhab*”.

Bahagian kedua naskah ini adalah teks *Undang-Undang Melaka* versi panjang. Pada akhir fasal 61 dinyatakan bahawa pada tahun 1180 H (1767M) Mister Anthony Askafar (Schipper), gabenor Melaka (1674-1772) telah memberi surat kepada Datuk Kapitan Melayu, Encik Zainuddin, untuk disalin daripada cara Belanda kepada cara Melayu. Seterusnya naskah ini menyebut upah bagi orang yang mendapat budak lari dan tugas Temenggung. Bahagian naskah ini berakhir dengan kolofon yang sudah disebut Mohd. Taib Osman (1972).

Sebelum ini, sudah disebut beberapa masalah yang harus diatasi pengkaji manuskrip perundangan. Naskah mana yang boleh digolongkan ke dalam naskah perundangan Melaka? Judul di katalog pasti tidak boleh dijadikan pegangan, kerana manuskrip itu mungkin mempunyai beberapa judul. Di sini, katalog manuskrip mungkin mengelirukan. Misalnya laporan tentang naskah Skeat 14(a,b) di Universiti Oxford. Ada kalanya judul yang disebut itu lain daripada isinya. Selain itu, ada juga manuskrip yang tidak disebut dalam mana-mana katalog, kerana penyusun katalog itu tidak tahu adanya bahan itu. Naskah yang tidak disebut itu mungkin adalah yang baru dibeli. Misalnya, sesudah terbitnya *Undang-Undang Melaka dan Undang-undang Laut* dalam Siri Karya Agung Yayasan Karyawan itu, saya dapati masih ada dua buah manuskrip yang terlepas

dari perhatian saya di Perpustakaan Negara Malaysia. Kalau kedua-duanya adalah naskah yang baik, kajian saya mungkin menjadi ketinggalan zaman lagi, walaupun ia baru selesai dan baru diterbitkan. Saya berharap peserta seminar penaskahan ini dapat menolong saya dengan memberitahu saya maklumat tentang naskah *Undang-Undang Melayu* yang baru.

Undang-Undang Melaka sebenarnya masih ada satu bahagian, iaitu *Undang-Undang Laut*. Oleh kerana kesuntukan masa, bahagian ini tidak akan dihuraikan di sini. Namun, mereka yang berminat boleh merujuk kepada kajian terbaru saya, iaitu *Undang-Undang Melaka dan Undang Laut* yang diterbitkan Yayasan Karyawan di Kuala Lumpur (Liaw 2003).

RUJUKAN

- Kempe, J. E. & Winstedt, R. O. 1948. A Malay Legal Digest Compiled for Abd al-Ghafur Muhiyuddin Shah, Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Edition. *JMBRAS* 21(1):23-62.
- _____. 1952. A Malay Legal Miscellany. *JMBRAS* 25 (1):1-19.
- Liaw Yock Fang. 1976. *Undang-Undang Melaka*, 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- _____. 1987. Catatan Tentang Sebuah Naskah Baru Undang-Undang Melaka. Kertas kerja dibentangkan di *International Seminar on Malay Language*, Brunei.
- _____. 1993. *Sejarah Kesustraan Melayu Klasik*. (Jilid 2) Jakarta: Penerbit Erlangga.
- _____. 2003. *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Mohd. Jamil al-Sufri. 1973. Hukum Kanun Brunei. Dlm *Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei* 2:113-156.
- Mohd. Taib Osman. 1972. Laporan:Naskhah-Naskhah dan Alatan Budaya di Beberapa Pusat Pengajian di Great Britain dan Jerman Barat. *Nusantara* I :60-83.

Liaw Yock Fang, Ph. D.
26 Watten Close,
Singapore 287748
e-mail: aminleo@gmail.com